

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUANCHARLES ANTHONY SANTIAGO (KLANG)

SOALAN NO. 129

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Kerajaan sedang mencari jalan untuk menangani perlumbaan ke paras terendah (*race to the bottom*) di antara negara-negara ASEAN akibat persaingan sengit pelaburan asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selama 5 dekad penubuhan ASEAN, ianya sentiasa menjadi antara teras bagi pembangunan ekonomi Malaysia. Ini dibuktikan melalui Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community - AEC*) yang telah dibentuk secara rasminya pada 31 Disember 2015. Salah satu objektif utama pembentukan AEC adalah untuk mewujudkan pasaran tunggal merangkumi 635 juta penduduk, yang dinamik dan berdaya saing. Umumnya, ASEAN adalah pasaran yang penting bagi Malaysia dan juga bagi negara-negara ASEAN yang lain.

2. ASEAN merupakan sebuah blok perdagangan serantau yang memberi banyak kelebihan kepada negara-negara anggota dari segi faktor perdagangan dan pelaburan. Melalui objektif AEC dalam mencapai integrasi ekonomi serantau, negara-negara anggota ASEAN menjalinkan kerjasama bagi memastikan pembangunan ekonomi di rantau ini terus mampan. Secara kolektif, ASEAN kini merupakan ekonomi yang ke-6 terbesar di dunia dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak US\$2.8 trilion. Dari aspek pelaburan, peningkatan pelaburan intra-ASEAN sebanyak US\$27 juta pada tahun 2017 berbanding US\$24.7 juta pada

tahun sebelumnya membuktikan ASEAN merupakan sebuah rantau yang berpontensi tinggi termasuklah negara Malaysia.

3. Sehubungan ini, rantau ASEAN muncul sebagai destinasi pilihan utama bagi para pelabur asing menjadikan negara-negara ASEAN bersaing sengit bagi menarik pelaburan ke negara masing-masing. Menyedari hal ini serta bagi mendepani persaingan dan menanganinya, dengan izin, '*race to the bottom*', Kerajaan mengambil pendekatan menyeluruh melalui dasar-dasar Kerajaan yang mesra perniagaan, terutamanya aspek fasilitasi dan pemudahcara perniagaan dan pelaburan dan tidak bergantung kepada pakej insentif cukai yang menarik semata-mata.

4. Pelbagai inisiatif bagi memudahcara perniagaan dan pelaburan telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan termasuk pendekatan langsung yang proaktif melalui strategi terbaharu Kementerian, iaitu dengan izin, "*search, seek, secure and service*" bagi menarik pelaburan langsung asing berkualiti tinggi merangkumi fasa pengenalpastian, perbincangan langsung dengan pelabur yang berpotensi dan seterusnya menarik pelaburan ke Malaysia serta perkhidmatan kepada pelabur setelah pelaburan berkenaan dilaksanakan.

5. Kementerian melalui MIDA juga menyediakan perkhidmatan Pusat Maklumat Perniagaan (BIC) di Kuala Lumpur sebagai pusat sumber hentian pertama dengan akses percuma. MIDA juga turut menawarkan Pusat Perkhidmatan Panggilan bagi mengendalikan pertanyaan menerusi panggilan telefon serta emel, selain hebahan menerusi media sosial seperti Facebook, Twitter, dan Instagram. MITI dan MIDA juga mempunyai pejabat cawangan-cawangan di seluruh Malaysia yang bertindak sebagai pusat sehenti di peringkat negeri bagi membantu pelabur-pelabur di negeri-negeri terbabit.

6. Untuk meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan dalam membantu pelabur, wakil kanan dari agensi-agensi penting Kerajaan ditempatkan di ibu pejabat MIDA untuk membantu para pelabur mengenai

dasar-dasar dan prosedur Kerajaan lain yang berkaitan. Ini termasuklah pegawai dari Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Imigresen, Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad.

7. Kerajaan juga akan terus memperkukuhkan inisiatif-inisiatif berikut bagi memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan berkualiti tinggi yang berdaya saing termasuk:

(i) Mengamalkan 'pendekatan berfokus' atau dengan izin '*targeted approach*' dalam usaha menarik pelaburan di samping memberi penekanan terhadap industri-industri berintensif modal dan teknologi serta penglibatan dalam R&D;

(ii) Menggunakan pendekatan ekosistem dalam menarik pelaburan berkualiti terhadap industri yang disasarkan. Pendekatan ini merangkumi elemen seperti nilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan kemahiran, serta melengkapkan jurang di dalam ekosistem yang sedia ada; dan

(iii) Pembangunan rangkaian bekalan dengan melengkapkan hubungan rangkaian industri sama ada industri hulu dan sedia ada dan industri hiliran yang baru. Antara langkah-langkah Kerajaan untuk mencapai hasrat tersebut adalah dengan menganjurkan beberapa sesi persidangan pembekal-pembekal industri atau dengan izin '*suppliers' conferences*' dan juga menganjurkan program-program pembangunan vendor. Langkah-langkah ini juga dapat membantu pelabur-pelabur asing dalam padanan perniagaan, untuk memulakan projek usahasama atau untuk melaksanakan pengilangan kontrak.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Bagi meyakinkan pelabur tentang dasar mesra perniagaan negara, kelulusan permohonan oleh pelabur-pelabur juga perlu dipermudahkan bukan sahaja di peringkat persekutuan tetapi juga di peringkat negeri.

SOALAN NO : 129

Sehubungan ini, Kementerian sentiasa mengadakan dialog dengan Kerajaan-kerajaan negeri bagi membincangkan isu-isu pelaburan terutamanya yang menyentuh bidang kuasa Kerajaan negeri dan di luar kuasa Kerajaan persekutuan.

9. Dasar mesra perniagaan secara komprehensif adalah penting untuk menggalakkan pelaburan. Kementerian juga bertindak sebagai penyelaras dan perantara dengan agensi-agensi lain bagi membantu pelabur dalam aspek-aspek lain yang turut mempengaruhi keputusan pelabur termasuklah daya saing negara dari segi kos menjalankan perniagaan, kemudahan prasarana, kewujudan taman perindustrian yang diselenggara dengan baik, ketersediaan tenaga mahir dan lain-lain. Insentif pelaburan yang kompetitif bertindak sebagai '*tipping point*' untuk menarik pelaburan, khususnya pelaburan asing yang disasarkan.

Sekian, terima kasih.